



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

3 APRIL 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU: TENAGA PEKERJA WANITA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	3 APRIL 2017 (ISNIN)	BERITA HARIAN 50% Pembuat dasar dan tenaga pakar wanita SINAR HARIAN Pengasuh taska ada SPM masih diteliti	AHLI PARLIMEN MASJID TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA

AKHBAR : BERITA HARIAN

50% Pembuat dasar dan tenaga pakar wanita



DATUK Mas Ermieyati Samsudin berinteraksi bersama peserta pada Program Townhall Transformasi Nasional 2050 bersama Wanita Muda di Kolej Matrikulasi Melaka, Masjid Tanah.

ALOR GAJAH: Pelan Transformasi Nasional 2050 (TN50) berupaya menghasilkan lebih 50 peratus pembuat dasar dan tenaga pakar wanita berbanding sasaran 30 peratus dalam Wawasan 2020.

Ahli Parlimen Masjid Tanah yang juga Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, berkata menerusi TN50, aspirasi itu boleh dijayakan memandangkan tahap keupayaan golongan itu sudah berjaya dicapai. "Memang itu (ramai tenaga pakar wanita) yang kita inginkan. Jika Wawasan 2020 sasaran kita (pembuat dasar wanita) setakat 30 peratus, dan tak silap saya sudah mencapai sehingga 33 peratus dalam sektor awam. "Penduduk wanita dalam negara kini lebih 50 peratus dan tidak keterlaluan jika kita sasarkan kadar peratus pembuat dasar lebih tinggi.

"Ia termasuk tenaga pakar wanita antaranya teknokrat, ahli sains, ahli ekonomi kemudian mereka diangkat sekali gus membawa kepakaran itu kepada dunia," katanya. Beliau yang juga Ketua Puteri UMNO berkata demikian ketika mengulas aspirasi beberapa peserta

wanita muda mengenai perkara itu pada sesi taklimat umum TN50 di Kolej Matrikulasi Melaka, Londang, di sini, hari ini. Program itu turut dihadiri kira-kira 600 penuntut daripada pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) di negeri ini.

Pelbagai aspek aspirasi seperti soal pendidikan, alam sekitar, sekuriti makanan dan penduduk luar bandar turut disuarakan dalam program berkenaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

Pengasuh taska ada SPM masih diteliti



Datuk Seri Rohani Abdul Karim

SHAH ALAM - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat masih memperhalusi cadangan menetapkan Sijil Pelajaran Malaysia sebagai syarat minimum kelayakan pengasuh taska pada masa akan datang. Menteriinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, antara aspek yang diteliti ialah sama ada syarat itu masih dapat menarik minat wanita untuk menceburi bidang tersebut.

"Sekarang ini pelbagai pandangan dan pendapat daripada semua pihak berkaitan sedang dikumpul kerana kita tidak mahu tindakan pentadbiran akan menyekat golongan wanita daripada bekerja.

"Saya akan menilai dahulu keperluan dan sambutan terhadap cadangan berkenaan sebelum mengusulkan sebarang pindaan berkaitan... sebarang penambahbaikan mesti dibuat dengan berhati-hati," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Fiesta Wanita 2017, di sini hari ini.

Katanya lagi sebarang penambahbaikan terhadap institusi taska mesti mengambil kira pendapat pakar dan pemain industri agar hasilnya mampu memenuhi hasrat semua pihak. Beliau mengulas kajian cadangan penetapan syarat kelayakan itu yang dibangkitkan Timbalannya Datin Paduka Chew Mei Fun tahun lepas. Chew dilapor berkata kajian cadangan itu dilihat sebagai usaha meningkatkan lagi kualiti penjagaan kanak-kanak di taska.

ISU : PEKERJA KOREA UTARA

BIL.	TARIKH	AKHBAR DAN TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	3 APRIL 2017 (ISNIN)	SINAR HARIAN Dasar pengambilan pekerja Korea Utara masih kekal BORNEO POST Masir: N. Korean workers still in the state	KDN

AKHBAR : SINAR HARIAN

Dasar pengambilan pekerja Korea Utara masih kekal



Masir Kujat

KUCHING - Pengambilan pekerja asing dari Korea Utara diteruskan mengikut tatacara sedia ada dan permintaan, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Masir Kujat. Masir berkata seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak semalam, hubungan diplomatik dua negara masih dikekalkan dan rakyat Korea Utara masih bebas untuk melawat negara ini, begitu juga sebaliknya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Penyampaian Watikah Pelantikan Lembaga Hakim Pelawat Peringkat Negeri Sarawak di Pejabat Penjara Negeri Sarawak, Jalan Puncak Borneo hari ini. Masir turut mengesahkan bahawa Jabatan Imigresen Sarawak baru-baru ini telah menahan beberapa pekerja rakyat Korea Utara kerana didapati bekerja di negeri ini tanpa permit yang sah, tetapi kesemua mereka telahpun dihantar pulang ke negara asal. Sementara itu, beliau berkata sehingga kini terdapat 58,000 banduan di penjara di seluruh negara termasuk 2,078 orang di penjara-penjara di negeri Sarawak.

Katanya, 30 peratus banduan di penjara di Sarawak adalah warga asing yang menjalani hukuman kerana melakukan pelbagai kesalahan jenayah, majoritinya menyalahgunakan pas

lawatan sosial untuk bekerja di negeri ini dan juga bekerja dengan permit kerja yang sudah tamat tempoh sahnyanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Masir berkata kadar jenayah di Sarawak masih yang terendah berbanding negeri lain jika diukur dengan jumlah penghuni di penjara berbanding kapasiti penghuni yang masih rendah. "Statistik menunjukkan jumlah penghuni yang ada kira-kira 50 peratus di bawah kapasiti 3,040 bagi seluruh penjara di negeri Sarawak," katanya.

Di samping itu, katanya seramai tiga calon banduan mendapat 7A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini manakala Gred Purata Sekolah (GPS) secara keseluruhan untuk Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti di Penjara Puncak Borneo meningkat daripada 6.10 kepada 5.38. Dalam bidang kemahiran, seramai 1,726 penghuni penjara berjaya diberi sijil mengikut bidang yang ditawarkan pada tahun lepas, sekali gus sasaran sekurang-kurangnya 1,500 orang mendapat sijil dalam tempoh setahun, tercapai.

Beliau berkata daripada 974 bekas penghuni penjara di Sarawak yang menjalani hukuman di luar tembok seperti sistem parol, hanya 14 orang didapati kembali melakukan jenayah.

AKHBAR : BORNEO POST

KUCHING: Deputy Home Minister Datuk Masir Kujat said the bilateral ties between Malaysia and North Korea have remained intact despite the diplomatic row following the assassination of their leader's half brother Kim Jong-nam on Feb 13 in Kuala Lumpur.

According to him, there are still North Korean workers working in Sarawak and that North Koreans who want to work in the state should comply with the requirements and procedures of the Immigration Department like any other expatriate who wants to make a living in the country.

"I did not say that there are no more North Korean workers in Sarawak or we will continue to employ North Korean workers,"

"Companies wishing to hire North Koreans can do so and make a request but those who have committed a crime or have overstayed their pass will be blacklisted from entering the country," said Masir in clarifying conflicting articles published by three different newspapers yesterday.

He added that illegal North Koreans detected by the state Immigration Department have been deported but he cannot reveal the exact numbers of those who were deported without confirmation from the Immigration Department. "At the present moment, all we know is that there are 176 North Korean workers working in Sarawak," he added.

ISU : KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK	PIHAK TERLIBAT
1.	3 APRIL 2017 (ISNIN)	BORNEO POST Labourer survives electrocution at construction site	JKKP

AKHBAR : BORNEO POST

Labourer survives electrocution at construction site



The victim on the way to hospital.

MIRI: An Indonesian labourer in his 30s survived an electrocution while working on a construction site in Taman Tunku at about 10.15am yesterday.

It is learnt that the incident occurred when a crane at the construction site touched an overhead cable, which resulted in the electrocution of the

victim who was working near the crane.

The victim's co-workers who saw the incident rushed to him before alerting Miri Hospital for an ambulance.

Help arrived within minutes and the victim was taken to hospital.

It is learnt that the victim is in stable condition.